



SUK.D200(06)600/9/Jld 14(3)

KERAJAAN NEGERI KELANTAN


PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 5 TAHUN 2017

BAYARAN PEMBAHARUAN LESEN MEMANDU

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan (*Persekutuan*) Bilangan 1 Tahun 2017 bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan dengan pindaan sebagaimana Lampiran:

2. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.
3. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web www.kelantan.gov.my dan www.jpa.gov.my.

"ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG"


DATO' HAJI ADNAN BIN HUSSIN, D.P.S.K. (Kelantan)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
KOTA DARULNAIM

Bertarikh : 19 Syawal 1438H bersamaan
13 Julai 2017

Kepada: Semua Ketua Jabatan Negeri
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Bahagian/Unit Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

*Bahagian pengurusan
teknologi maklumat*

Pindaan Ketua Jabatan

"Ketua Jabatan" bermaksud:

- (a) Ketua Jabatan di Jabatan/Agensi di bawah Kerajaan Negeri Kelantan
- (b) Ketua Bahagian di Bahagian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- (c) Pegawai yang diberi kuasa secara bertulis untuk bertindak bagi pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Kelayakan

"Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu diperuntukkan kepada pegawai lantikan tetap, *contract of service*, *contract for service*, berelaun dan sambilan yang dilantik sebagai :-

- (a) Pemandu kenderaan Kerajaan; atau
- (b) Pegawai yang diarahkan secara bertulis oleh Ketua Jabatan untuk memandu kenderaan Kerajaan sebagai tugas mereka di samping melaksanakan tugas jawatannya sendiri.

